

TARIKH : 10 DISEMBER 2022  
 AKHBAR : BERITA HARIAN  
 MUKA SURAT : 22

Pengangguran turun ke paras terendah sejak pandemik

# Pengangguran turun ke paras terendah sejak pandemik



**Angka dicatat Oktober lalu hasil kegiatan ekonomi bertambah baik**

Oleh Mahanum Abdul Aziz  
 mahanum\_aziz@bh.com.my

Kadar pengangguran menurun ke paras terendah sejak COVID-19 pada Oktober 2022 kepada 602,000 orang berbanding 605,000 pada September 2022, demikian perangkaan terkini Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM).

Ketua Perangkawan, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin, berkata prestasi tenaga buruh yang optimistik pada Oktober 2022 itu mencerminkan asas ekonomi negara yang stabil, hasil aktiviti ekonomi dan sosial berterusan.

Beliau berkata, ia ditambah sokongan polisi yang berterusan bagi mengatasi kesan peningkatan kos sara hidup dan mengurangkan risiko negatif berkaitan dengan pergolakan geopolitik dan mengukuhkan kedudukan kewangan luar.

Selain itu, katanya, pelancongan domestik dan antarabangsa dirangsang oleh peningkatan ketibaan pelancong di kebanyakan negara, termasuk Malaysia.

Jelasnya, sektor ekonomi lain dalam negara turut mengalami momentum menggalakkan hasil situasi ekonomi semasa, justeru lebih banyak tenaga buruh diper-

lukan dalam pasaran bagi menyokong keseluruhan aktiviti perniagaan yang menggalakkan.

"Pasaran buruh bertambah baik pada Oktober 2022 dengan lebih ramai penduduk bekerja dan penganggur semakin berkurangan.

"Bilangan tenaga buruh terus meningkat pada Oktober dengan peningkatan bulan ke bulan 0.2 peratus kepada 16.68 juta orang (September 2022: 16.66 juta orang), manakala kadar penyertaan tenaga buruh kekal 69.7 peratus," katanya dalam satu kenyataan.

Selanjutnya, Mohd Uzir berkata, peningkatan bilangan penduduk bekerja berterusan pada Oktober lalu dengan kenaikan bulan ke bulan 0.2 peratus kepada 16.08 juta orang berbanding September 2022 sebanyak 16.05 juta orang.

Sementara itu, beliau berkata, jumlah penganggur mencatatkan penurunan 0.5 peratus, merekodkan bilangan penganggur lebih rendah iaitu 602,000 orang (September 2022: 605,000 orang).

Katanya, kadar pengangguran pada Oktober 2022 kekal pada 3.6 peratus iaitu 0.3 mata peratus lebih tinggi berbanding prapandemik.

Mohd Uzir berkata, kategori pekerja yang mencatatkan komposisi terbesar daripada jumlah penduduk bekerja dengan peratus sumbangan 75.9 peratus, meningkat 0.1 peratus kepada 12.20 juta orang pada Oktober 2022 (September 2022: 12.16 juta orang).

Beliau berkata, trend sama dapat dilihat dalam penduduk bekerja sendiri dalam pertumbuhan

0.4 peratus merekodkan 2.83 juta orang (September 2022: 2.82 juta orang).

Mengikuti sektor ekonomi, perkhidmatan terus mencatatkan peningkatan penduduk bekerja, terutama aktiviti khidmat makanan dan minuman; perdagangan borong dan runcit serta kewangan dan insurans/takaful.

**Kadar pengangguran bella**

Bilangan penduduk bekerja dalam sektor pembuatan, pembinaan dan pertanian juga mencatatkan peningkatan, sementara guna tenaga dalam sektor perlombongan dan pengkuarian terus menurun.

Mengenai situasi pengangguran, Mohd Uzir berkata, penganggur aktif atau mereka yang bersedia untuk bekerja serta aktif mencari pekerjaan, merangkumi 81.6 peratus daripada jumlah penganggur pada Oktober lalu.

Beliau berkata, kumpulan itu mencatatkan penurunan 1.1 peratus kepada 491,300 orang berbanding September 2022 sebanyak 496,600 orang.

Mengikuti tempoh pengangguran bagi penganggur aktif, 60.5 peratus daripada mereka adalah penganggur kurang tiga bulan, manakala 6.3 peratus melebihi setahun.

Sebaliknya, mereka yang percaya tiada pekerjaan tersedia atau penganggur tidak aktif, meningkat 2.1 peratus kepada 110,700 orang (September 2022: 108,400 orang).

Pada Oktober 2022, kadar pengangguran bagi bella berumur 15 hingga 24 tahun kekal 12.1 peratus, merekodkan 337,200 penganggur bella (September 2022: 339,100 orang).

Manakala, kadar pengangguran bagi bella berumur 15 hingga 30 tahun meningkat kepada 7.4 peratus, mencatatkan bilangan penganggur bella seramai 476,900 orang (September 2022: 7.1 peratus; 460,400 orang).

Bagi kumpulan tidak aktif, bilangan penduduk di luar tenaga buruh terus berada pada trend menurun sejak Ogos 2021, berkurang 0.03 peratus merekodkan 7.24

juta orang (September 2022: 7.24 juta orang).

Majoriti penduduk di luar tenaga buruh disebabkan kerja rumah/tanggungjawab keluarga dengan peratus sumbangan 43.3 peratus, diikuti bersekolah/latihan dengan 40.9 peratus.

Merumuskan kedudukan tenaga buruh, Ketua Perangkawan berkata, aktiviti ekonomi dan sosial yang semakin rancak serta peningkatan berterusan data jumlah ketibaan pelancong menjelang akhir 2022 telah mendorong kepada perkembangan positif terhadap pertumbuhan ekonomi negara.

Beliau berkata, selaras dengan itu, ekonomi Malaysia dijangka masih mengekalkan momentum pertumbuhannya, walaupun perlahan dan berdepan ketidakpastian ekonomi global, berdasarkan petunjuk Indeks Pelopor semasa yang terus merekodkan peningkatan tahun ke tahun.

Begitu juga, statistik kecenderungan perniagaan menunjukkan perniagaan kekal positif terhadap situasi perniagaan pada suku tahun keempat 2022.

"Susulan daripada unjuran prestasi ekonomi dan perniagaan yang optimistik itu, pasaran buruh dijangka bertambah baik dengan lebih ramai tenaga buruh diambil bagi menampung keperluan ekonomi dan perniagaan.

"Justeru, lebih banyak peluang terhadap permintaan dan penawaran buruh akan wujud di pasaran, seterusnya dapat memperkukuh momentum positif pasaran buruh pada bulan mendatang," katanya.

**Susulan daripada unjuran prestasi ekonomi dan perniagaan yang optimistik itu, pasaran buruh dijangka bertambah baik dengan lebih ramai tenaga buruh diambil bagi menampung keperluan ekonomi dan perniagaan**



Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan